

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 7/2007**

=====

**PEMBERIAN INSENTIF PREMIUM MENGIKUT PROGRAM
PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN BAGI PERMOHONAN
YANG TELAH DILULUSKAN TUKAR SYARAT TANAH SEBELUM
PELAKSANAAN PEKELILING PTG BIL.6/2006**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengenai **kaedah atau cara pembayaran premium bagi tujuan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran** yang telah diluluskan permohonan tukar syarat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebelum pelaksanaan program pemutihan mengikut Pekeliling PTG. Bil.6/2006 dilaksanakan.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pekeliling PTG Bil.6/2006 telah dikeluarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor (PTGS) pada

31.07.2006 untuk memperluaskan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran terhadap kilang-kilang yang telah beroperasi sebelum 01 Januari 2005 yang termasuk di dalam senarai yang terdapat di dalam kajian Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan juga Pentadbir Tanah Daerah (PTD) dengan syarat pemilik kilang atau tanah dapat membuktikan kewujudan mereka melalui dokumen-dokumen rasmi yang boleh diperakui.

2.2 Merujuk kepada pekeliling tersebut, pemilik kilang atau tanah yang tersenarai di bawah Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran layak mendapat insentif berikut:-

- i) Pengurangan 50% sekiranya dibayar secara sekaligus dalam tempoh masa 3 bulan.
- ii) Pengurangan 30% sekiranya dibayar secara sekaligus dalam tempoh masa 6 bulan.
- iii) Pengurangan 10% sekiranya dibayar secara sekaligus dalam tempoh masa 9 bulan.

2.3 Masalah timbul apabila pemilik kilang atau tanah telah mendapat kelulusan tukar syarat tanah sebelum program pemutihan kilang ini dilaksanakan. Secara tidak langsung

pemilik kilang atau tanah ini tidak diberi potongan premium mengikut insentif yang telah ditawarkan di bawah Pekeliling PTG Bil. 6/2006.

- 2.4 Kerajaan Negeri telah menerima banyak permohonan rayuan daripada pemilik kilang atau tanah terbabit agar menggunakan insentif yang terdapat di dalam Pekeliling PTG. Bil.6/2006 tersebut. Merujuk keputusan MMKN Bil.17/2007 bertarikh 6 Jun 2007 telah memutuskan bahawa semua pemilik kilang atau tanah yang tersenarai di bawah Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran layak mendapat insentif-insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri dan tanpa perlu merujuk semula permohonan ini kepada Jawatankuasa Rayuan Pengurangan Premium dan diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

- 2.5 Pentadbir Tanah Daerah menghadapi masalah untuk menerima bayaran premium daripada pemilik kilang atau tanah memandangkan sebahagian besar notis tuntutan premium (Notis 7G atau 5A) yang dikeluarkan sebelum ini hampir tamat tempoh pembayarannya sedangkan keputusan Kerajaan Negeri, hanya memberi tempoh insentif sehingga 9 Bulan sahaja.

3. KAEDAH PERLAKSANAAN

3.1 Tempoh Notis 7G (24 bulan) atau 5A (18 bulan) masih berbaki lebih daripada 9 Bulan

Pentadbir Tanah jika menerima rayuan daripada pemilik kilang atau tanah dikehendaki mengeluarkan notis bayaran premium yang baru (Notis 7G atau 5A) dan terus memberikan pengurangan premium berdasarkan insentif yang terdapat di dalam Pekeliling PTG. Bil. 6/2006.

3.2 Tempoh Notis 7G (24 bulan) atau 5A (18 bulan) masih berbaki kurang daripada 9 Bulan

Pentadbir Tanah boleh mengambil tindakan berikut:-

- i) Mengarahkan pemohon membuat permohonan baru sebelum atau pada 31.12.2007 dan terus menggunakan Pekeliling PTG Bil. 6/2006. Sekiranya permohonan dibuat selepas tarikh tersebut, pemilik kilang atau tanah tidak layak dipertimbangkan di bawah Pekeliling PTG Bil.6/2006;

ATAU

- ii) Mengeluarkan notis tuntutan premium yang baru (Notis 7G atau 5A) dengan tempoh tidak boleh melebihi daripada tempoh maksimum yang diluluskan.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling ini terpakai bagi **semua permohonan tukar syarat kegunaan dan pemberimilikan tanah** yang melibatkan **kilang-kilang yang telah beroperasi sebelum 01 Januari 2005**.
- 4.2 Perlaksanaan arahan dalam pekeling ini **berkuat kuasa serta merta dari tarikh pekeling ini dikeluarkan**.

T.T

(ABD. NASIR BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan.

Tarikh: 01 OGOS 2007